

TEKS UCAPAN Y.BHG. DATUK REKTOR
MAJLIS PENUTUP DAN PERSEMBAHAN KEBUDAYAAN
MINGGU HALUAN SISWA KUTKM SESI 2006/2007
KOLEJ UNIVERSITI TEKNIKAL KEBANGSAAN MALAYSIA (KUTKM)

TEMPAT:
DEWAN BANQUET
SRI NEGERI, MELAKA

TARIKH :
08 JULAI 2006

TEKS UCAPAN REKTOR SEMPENA MAJLIS
PENUTUP DAN PERSEMBAHAN KEBUDAYAAN
MINGGU HALUAN SISWA KUTKM SESI 2006/2007
BERTEMPAT DI DEWAN BANQUET, SRI NEGERI,
AYER KEROH PADA 08 JULAI 2006 JAM 9.00 MALAM

BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM

ASSALAMUALAIKUM W.B.T DAN SALAM SEJAHTERA

Y.BHG. PROF. DR. ABU BIN ABDULLAH,
TIMBALAN REKTOR (AKADEMIK DAN
PENGANTARABANGSAAN)

Y.BHG. DATUK PROF. MADYA DR. ABU BAKAR BIN
MOHAMAD DIAH,

TIMBALAN REKTOR (PENYELIDIKAN &
PENGKOMERSILAN / INOVASI)

Y.BHG DATO' PROF. DR. MOHD NOR BIN HUSAIN

DEKAN HAL EHWAL PELAJAR

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN UNIVERSITI,

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN YANG DIHORMATI

SETERUSNYA MAHASISWAI SERTA HADIRIN DAN
HADIRAT YANG SAYA HORMATI

PERTAMANYA MARILAH KITA MENGUCAPKAN
SYUKUR KE HADRAT ALLAH SWT KERANA DENGAN
IZINNYA DAPAT KITA BERKUMPUL SEKALI LAGI
PADA MALAM INI BAGI MAJLIS PENUTUP DAN
PERSEMBAHAN KEBUDAYAAN MINGGU HALUAN
SISWA 2006 KALI INI.

MALAM INI ADALAH KEMUNCAK KEPADA MINGGU HALUAN SISWA YANG TELAH DIMULAKAN PADA 02 JULAI YANG LALU. SEPANJANG PROGRAM INI BERLANGSUNG, SAUDARA-SAUDARI TELAH DIKEHENDAKI UNTUK MENGIKUTI SETIAP ACARA SEPERTI YANG DIJADUALKAN.

MINGGU HALUAN SISWA INI MEMBERI CABARAN KEPADA MAHASISWA-MAHASISWI BARU KUTKM UNTUK DAPAT MENDISPLINKAN DIRI SERTA MENEPATI MASA. PADA SETIAP HARI SAUDARA-SAUDARI DIKEHENDAKI UNTUK BANGUN UNTUK SOLAT SUBUH BERJEMAAH JAM 5.30 PAGI. SELEPAS ITU SAUDARA-SAUDARI JUGA DIKEHENDAKI UNTUK MENGIKUTI SENAMAN PAGI DAN SETERUSNYA MENDENGAR TAKLIMAT SEHINGGA MALAM.

PARA MAHASISWA YANG DIHORMATI

PIHAK UNIVERSITI TELAH TERLEBIH DAHULU MENELITI PENGISIAN PROGRAM MINGGU HALUAN SISWA INI SEBELUM IANYA DILAKSANAKAN. SEMUA MAHASISWA KUTKM SEJAK DARI MULA PENUBUHANNYA WAJIB MELALUI PROGRAM MINGGU HALUAN SISWA INI. IA ADALAH SATU PELUANG YANG DIGUNAKAN OLEH PIHAK UNIVERSITI UNTUK MENYAMPAIKAN MAKLUMAT KEPADA PARA MAHASISWA.

MINGGU HALUAN SISWA INI MEMBERI KESEMPATAN KEPADA PARA MAHASISWA BARU KUTKM UNTUK MENDAPATKAN MAKLUMAT SERTA PENERANGAN BERKAITAN DENGAN PERJALANAN DAN PENTADBIRAN DI UNIVERSITI, DAN YANG PALING PENTING IALAH MAKLUMAT BERKAITAN AKADEMIK PELAJAR. SAUDARA-SAUDARI PERLU MENGETAHUI SEMUA PERKARA INI SUPAYA TIDAK TERCICIR AKIBAT DARIPADA MASALAH TIDAK MENDAPAT MAKLUMAT TEPAT BERKAITANNYA.

DI UNIVERSITI SAUDARA-SAUDARI HARUS BERDIKARI UNTUK MEMAJUKAN DIRI SENDIRI. PARA MAHASISWA TELAH DIANGGAP MATANG UNTUK MENILAI PERKARA YANG BAIK DAN BURUK YANG DILAKUKAN. SEKIRANYA SAUDARA-SAUDARI INGIN MAJU, MAKA HENDAKLAH BERUSAHA DENGAN GIGIH. TETAPI SEKIRANYA SAUDARA-SAUDARI LEKA MAKA SAUDARA-SAUDARI AKAN KETINGGALAN.

DI UNIVERSITI, PIHAK PENTADBIR SAMA ADA MELALUI PEJABAT HAL EHWAL PELAJAR DAN ALUMNI MAHUPUN FAKULTI AKAN CUBA MENYEDIAKAN SEMUA KEMUDAHAN YANG DIPERLUKAN OLEH PELAJAR UNTUK TUJUAN PEMBELAJARAN. NAMUN PIHAK UNIVERSITI TIDAK DAPAT MEMAKSA SAUDARA-SAUDARI UNTUK MEMAJUKAN DIRI SEKIRANYA TIADA KEHENDAK TERSEBUT DATANG DARI DIRI SENDIRI. KATA PEPATAH TEPUK DADA TANYA SELERA.

PARA MAHASISWA YANG DIHORMATI

PENTADBIR UNIVERSITI SENTIASA MENGANGGAP SEMUA MAHASISWA-MAHASISWI ADALAH SAMA. MEREKA AKAN DILAYAN DENGAN ADILNYA TANPA ADA PERBEZAAN TIDAK KIRA SAMA ADA MEREKA MUDA, TUA, MELAYU, INDIA DAN SEBAGAINYA. KAMI TETAP MEMBERI LAYANAN YANG TERBAIK SUPAYA SAUDARA-SAUDARI MENJADI MAHASISWA YANG CEMERLANG.

SAYA MENGAMBIL KESEMPATAN INI UNTUK MENYERU KEPADA PARA MAHASISWA UNTUK TIDAK SAHAJA CEMERLANG DAN AKTIF DALAM BIDANG AKADEMIK TETAPI JUGA DALAM BIDANG KOKURIKULUM. BERGIATLAH SECARA AKTIF SAMA ADA DALAM PASUKAN BERUNIFORM, SUKAN, KESENIAN DAN SEBAGAINYA. IANYA PERLU SUPAYA GRADUAN YANG BAKAL DIKELUARKAN OLEH KUTKM TIDAK SAHAJA CERGAS MINDANYA

TETAPI JUGA SIHAT TUBUH BADAN SERTA BERWIBAWA.

TAHNIAH KEPADA SISWA-SISWI YANG MENGAMBIL BAHAGIAN MENYERTAI PERSEMBAHAN PADA MALAM INI. DALAM KESIBUKAN MENGIKUTI CERAMAH DAN AKTIVITI YANG PADAT MINGGU HALUAN SISWA INI, SAUDARA-SAUDARI MASIH MAMPU UNTUK MEMBUAT PERSIAPAN PERSEMBAHAN. IANYA ADALAH SATU PERMULAAN YANG BAIK.

PARA MAHASISWA YANG DIHORMATI

KITA JANGAN HANYA MENJADI PENONTON KEPADA SESUATU PERKARA TETAPI PERLU MENJADI PELAKU KEPADA SESUATU PERISTIWA. DENGAN CARA INILAH KITA MEMBERI RUANG DAN PELUANG KEPADA DIRI UNTUK MENUNJUKKAN POTENSI DIRI.

MENJADI MAHASISWA YANG UNGGUL BUKAN SEKADAR MENDAPATKAN ILMU DI DALAM BILIK KULIAH TETAPI JUGA MENGUTIP PENGALAMAN DARI AKTIVITI-AKTIVITI YANG DIANJURKAN OLEH PIHAK UNIVERSITI.

MANFAATKANLAH MASA UNTUK MELAKUKAN PERKARA YANG BERFAEDAH DAN LAKUKANLAH PERKARA YANG TERBAIK SEMASA MENUNTUT DI SINI. PERUNTUKKANLAH MASA DENGAN BIJAK SUPAYA SAUDARA-SAUDARI TIDAK MEMBUANG MASA KEPADA PERKARA YANG TIDAK BERFAEDAH. INGATLAH APAPUN PERKARA YANG KITA LAKUKAN SEMASA DI UNIVERSITI, UTAMAKANLAH PELAJARAN KERANA ITU MATLAMAT UTAMA KITA KE UNIVERSITI.

PARA MAHASISWA YANG DIHORMATI

DI UNIVERSITI KITA HARUS MENEGUR KESILAPAN DIRI SENDIRI. BERSAHABATLAH DENGAN ORANG YANG BAIK DAN YANG SUKA MENEGUR KESILAPAN KITA. DI SINI TIADA IBUBAPA YANG DAPAT MEMPERHATIKAN SAUDARA-SAUDARI.

JAUHKAN DIRI DARI TERLIBAT DENGAN MASALAH SOSIAL DAN TIDAK HADIR KULIAH. SEKIRANYA SAUDARA-SAUDARI GAGAL DI DALAM PELAJARAN, IA ADALAH SUATU KEKECEWAAN YANG AMAT BESAR TIDAK SAHAJA KEPADA DIRI SENDIRI TETAPI JUGA TERHADAP HARAPAN KEDUA IBUBAPA.

PARA MAHASISWA YANG DIHORMATI

SENTIASALAH MENJAGA DISIPLIN DIRI SEPERTIMANA YANG DITUNJUKKAN SEMASA PROGRAM MINGGU HALUAN SISWA INI. KALAU KITA

BOLEH MELAKUKANNYA SEMASA MINGGU HALUAN SISWA INI, INSYAALLAH KITA BOLEH MELAKUKANNYA SENDIRI WALAUPUN TANPA PENGAWASAN DARI FASILITATOR MHS.

AKHIR KATA SAYA MENGUCAPKAN TAHNIAH KEPADA SEMUA PARA MAHASISWA KUTKM SESI 2006/2007 KERANA BERJAYA MEMASUKI UNIVERSITI INI. JADIKANLAH PENGALAMAN MINGGU HALUAN SISWA INI SEBAGAI SATU DETIK BAGI MEMULAKAN KEJAYAAN DEMI KEJAYAAN YANG LEBIH GEMILANG PADA MASA HADAPAN.

SEKIAN. TERIMA KASIH.

WABILLAHITAUFIK
WASALAMUALIKUM WBT.

WALHIDAYAH